



# KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : FIZIK LINGKUNGAN  
KOD KURSUS : DSB2133  
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018  
MASA : 2 JAM

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 6 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Berikan definisi terminologi berikut:

- |                               |            |
|-------------------------------|------------|
| i. pengudaraan semulajadi     | [2 MARKAH] |
| ii. penebat haba              | [2 MARKAH] |
| iii. 'sick building syndrome' | [2 MARKAH] |
| iv. zon selesa                | [2 MARKAH] |
| v. keseimbangan termal        | [2 MARKAH] |

**SOALAN 2**

a. Terangkan dengan ringkas bagaimana sampul bangunan (rujuk Foto 1.0) iaitu dinding dan bumbung berperanan mempengaruhi keselesaan dalam sesebuah bangunan.

[4 MARKAH]



Foto 1.0 Bumbung dan dinding bangunan

b. Terangkan dengan ringkas perbezaan di antara kawalan pasif dan kawalan aktif bagi reka bentuk bangunan.

[6 MARKAH]

**SOALAN 3**

- a. Terangkan pengaruh cahaya semulajadi terhadap perasaan manusia.  
[4 MARKAH]
- b. Lakarkan **dua (2)** kaedah kawalan pasif terhadap sebuah rumah satu tingkat bertujuan mengurangkan ketidakselesaan haba.  
[6 MARKAH]

**SOALAN 4**

- a. Terangkan secara ringkas jenis-jenis pencahayaan berikut :
- ii. pencahayaan separa terus [2 MARKAH]
- iii. pencahayaan tersebar [2 MARKAH]
- b. Nyatakan **tiga (3)** perbezaan di antara kawalan aktif dan kawalan pasif pencahayaan yang digunakan dalam reka bentuk bangunan.  
[6 MARKAH]


**SOALAN 5**

- a. Terangkan dengan ringkas **dua (2)** sebab pengudaraan mekanikal perlu digunakan dalam sesebuah bangunan seperti hospital.  
[4 MARKAH]
- b. Nyatakan **dua (2)** kebaikan pengudaraan semulajadi dalam memberikan keselesaan di dalam ruang sesebuah bangunan.  
[6 MARKAH]

**SOALAN 6**

- a. Berikan dua (2) keterangan ringkas mengenai pengudaraan 'stack' di bawah.

[4 MARKAH]



**Gambarajah 1.0 Pengudaraan 'stack'**

- b. Huraikan tiga (3) kesan alam persekitaran terhadap keselesaan manusia .

[6 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **Empat (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Terangkan bagaimana tumbuh-tumbuhan mengawal bentuk-bentuk kerpasan.

**[4 MARKAH]**

- b. Terangkan dengan ringkas **tiga (3)** peranan elemen landskap (tumbuhan) di dalam membantu mengurangkan ketidakselesaan haba terhadap badan manusia di dalam bangunan. Anda boleh menggunakan lakaran yang bersesuaian untuk membantu penerangan anda.

**[6 MARKAH]**

**SOALAN 2**

- a. Senaraikan **empat (4)** jenis bahan atau bahan binaan yang mempunyai peratusan pembalikan haba dan cahaya yang tinggi.


**[4 MARKAH]**

- b. Terangkan secara ringkas pengaruh bumbung dan dinding bangunan dalam pengubahsuaian iklim ruang dalaman bangunan dalam iklim panas lembap.

**[6 MARKAH]**

## SOALAN 3

- a. Gambar rajah A di bawah menunjukkan sebuah kediaman kecil. Terangkan dengan ringkas **satu (1)** kelemahan dari segi reka bentuk bangunan tersebut untuk melindungi penghuninya daripada kepanasan dalam iklim panas lembap. Berikan alasan anda.



Gambarajah A

[6 MARKAH]

- b. Berdasarkan kepada kelemahan yang disebutkan, cadangkan **dua (2)** kaedah untuk mengatasi kelemahan reka bentuk tersebut dan lakarkan kaedah penyelesaiannya dalam bentuk 2 dimensi rumah tersebut.

[4 MARKAH]

**SOALAN 4**

- a. Senaraikan **dua (2)** jenis alat peneduhan dalaman dan **dua (2)** jenis alat peneduhan luaran yang digunakan bagi meminimumkan kemasukan haba dan cahaya ke dalam ruang dalaman bangunan.

**[4 MARKAH]**

- b. Terangkan **tiga (3)** kaedah untuk mengurangkan haba daripada memasuki bangunan.

**[6 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

